A

Yeong Kia Heng lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH AGUNG (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 05–150–90
HASHIM YEOP A SANI HB (MALAYA), HARUN HASHIM DAN GUNN
B CHIT TUAN HMA
27 JANUARI 1992

Undang-Undang Jenayah *— Dadah berbahaya — Pengedaran — Kecacatan serius mengenai identiti barang kes — Keterangan polis dan pegawai kimia berbeza — Beban pembuktian — Perayu tidak sememangnya dikehendaki dipanggil membela dirinya*

C

Perayu telah merayu terhadap sabitan dan hukuman ke atasnya atas tuduhan mengedar dadah berbahaya. Dari keterangan yang diberi oleh polis dan pegawai kimia jelas terdapat kecacatan dalam pembuktian identiti barang kes yang menjadi subjek pendakwaan terhadap
D perayu.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang diberi oleh pihak polis and pegawai kimia, wujudlah satu keraguan yang serius berkenaan dengan identiti barang kes. Oleh kerana itu, perayu
E sememangnya tidak dikehendaki dipanggil untuk membela dirinya di atas pertuduhan itu.

(2) Beban membukti adalah berat dan beban membukti yang dipertanggungkan kepada pendakwa juga adalah berat. Tidak ada beban yang dipertanggungkan kepada seseorang yang dituduh untuk membuktikan ia tidak bersalah. Di dalam perbicaraan
F jenayah seseorang yang dituduh dibenarkan mengambil apa juga peluang untuk menonjolkan kecacatan pendakwaan. Kecacatan mengenai identiti barang kes adalah serius.

(3) Di dalam prosiding jenayah di masa perbicaraan atau di masa rayuan seseorang yang tertuduh boleh membangkitkan soal dasar
G iaitu sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kes dengan sepenuhnya sehingga tidak membangkitkan kesangsian yang munasabah.

[English summary

H In this case the appellant appealed against the conviction and sentence on a charge of trafficking in dangerous drugs. From the evidence given by the police and that given by the chemist it was clear that there was a serious defect in proving the identity of the exhibits which formed the subject of the charge against the appellant.

I **Held**, allowing the appeal:

(1) Based on the evidence given by the police and the chemist there arose a serious doubt regarding the identity of the exhibits. For that reason, the appellant in fact should not have been called to enter on his defence on the charge.

(2) The burden of proof is heavy and the burden of proof that is borne by the prosecution is also heavy. There is no burden borne by the accused to prove that he is not guilty. In a criminal trial the accused is allowed to take every opportunity to show the defects in the prosecution case. The defect regarding the identity of the exhibits is serious.

(3) In criminal proceedings at trial or on appeal an accused person may raise the fundamental issue, that is, whether the prosecution had proven its case beyond reasonable doubt.]

Rayuan dari: Perbicaraan Jenayah No 58–6–88 (Mahkamah Tinggi, Wilayah Persekutuan)

Gurbachan Singh dan *Kartar Singh* (*Bachan & Kartar*) bagi pihak perayu.
Kang Hwee Gee (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak penentang.

Gunn Chit Tuan HMA (menyampaikan alasan penghakiman mahkamah): Perayu telah didakwa di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut') dan telah dihukum mati di bawah s 39B(2) Akta tersebut. Mengikut pertuduhan, perayu telah didapati pada 10 September 1987 pada jam 2.10 petang di kaki lima Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur mengedar dadah berbahaya sebanyak 18.37g heroin.

Fakta kes ini tidak mengelirukan sama sekali. Pada hari tersebut dua orang konstabel, iaitu PC Ng Hum Seng ('SP3') dan PC Ong Aik Joo ('SP4') sedang meronda di kawasan tersebut. Lebih kurang jam 2 petang mereka sampai ke Pertama Kompleks di mana mereka telah berjumpa dengan seorang 'informer' yang memberitahu bahawa ada seorang yang disyaki mengedar dadah dan menunjukkan kepada arah kedai gunting Carole Hair Dressing Saloon di mana perayu sedang membasuh rambutnya. SP3 and SP4 menunggu selama sepuluh minit sehingga perayu keluar daripada kedai gunting rambut tersebut dan membawanya ke bawah tangga di mana perayu telah diperiksa dan didapati satu bungkusan suratkhabar mengandungi sepuluh peket yang disyaki dadah dan satu lagi bungkusan suratkhabar mengandungi tiga peket juga disyaki dadah yang terselit di bawah tali pinggang perayu. Juga didapati padanya ialah dua bungkusan suratkhabar mengandungi satu peket plastik yang disyaki dadah dalam poket seluar sebelah kanan dan bungkusan suratkhabar yang mengandungi sepuluh peket yang disyaki dadah di poket sebelah kiri seluarnya. Perayu pun ditangkap dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis, Kuala Lumpur.

Ada beberapa soalan undang-undang yang dihujahkan bagi pihak perayu di mahkamah ini. Semua soalan adalah berkaitan dengan apa yang terkandung di dalam alasan penghakiman hakim berkenaan di mana didapati beberapa kecacatan dari segi persepsi sebenarnya berkaitan dengan beban membukti bagi seorang yang dituduh dalam perbicaraan jenayah. Melihatkan kepada fakta kes yang jelas mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujah peguam perayu bahawa persepsi yang tersebut di atas yang didapati dalam alasan penghakiman itu telah membabitkan ketidakadilan kepada perayu.

A Walau bagaimanapun satu perkara yang dibangkitkan oleh peguam dalam rayuan ini menyebabkan kami tidak berpuas hati dakwaan terhadap perayu telah dibuktikan dengan sepenuhnya. Ini ialah berkaitan dengan identiti barang kes. Keterangan berkenaan ialah keterangan yang telah diberi oleh SP3 di mana ia telah memberitahu kepada mahkamah dalam pemeriksaan perayu di Pertama Kompleks ia telah mendapati —

B

(1) Sepuluh bungkusan kecil akhbar Cina mengandungi sepuluh peket plastik yang mengandungi 'ketulan-ketulan berwarna merah jambu' dan tiga bungkusan kecil mengandungi tiga peket berisi 'ketulan-ketulan berwarna merah jambu'.

C (2) Tiga bungkusan kecil akhbar Cina mengandungi tiga peket berisi 'ketulan-ketulan berwarna merah jambu'.

(3) Sepuluh bungkusan kecil akhbar Cina berisi sepuluh peket plastik mengandungi 'ketulan-ketulan berwarna merah jambu'.

(4) Dua bungkusan akhbar Cina berisi dua peket plastik mengandungi 'ketulan-ketulan berwarna merah jambu'.

D Walau bagaimanapun pegawai kimia (SP2) telah menerima barang kes pada 15 September 1987, jam 2.30 petang di pejabatnya dari Insp Che Nor Ismail (SP5). Pegawai kimia ini telah seterusnya memberitahu mahkamah beliau memeriksa barang-barang dalam sampul surat yang diterimanya dan mendapati —

E

(1) Dalam sampul surat sepuluh peket plastik kesemuanya mengandungi 30.14g bersih 'bahan serbuk berwarna merah'.

(2) Dalam sampul surat itu juga didapatinya tiga peket plastik mengandungi 18.43g bersih 'bahan serbuk berwarna merah'.

(3) Sampul surat mengandungi sepuluh peket kertas plastik yang

F mengandungi 30.01g bersih 'bahan serbuk berwarna merah jambu'.

(4) Dua peket kertas mengandungi 16.74g bersih 'bahan serbuk berwarna merah jambu'.

Kesemuanya serbuk itu didapati dadah heroin seberat 18.37g.

Keterangan yang tersebut di atas menunjukkan kecacatan dalam pem-

G buktian identiti barang kes yang menjadi subjek pendakwaan terhadap perayu. Kecacatan itu menjadi lebih ketara apabila keterangan dari pihak polis dibandingkan dengan keterangan pegawai kimia berkenaan dengan berat barang kes. Mengikut pihak polis berat barang kes ialah 113g. Ini ialah keterangan daripada Insp Che Nor Ismail (SP5). Mengikut keterangan pegawai kimia (SP2) pula, berat barang-barang yang diterimanya dari pihak

H polis ialah 102.85g, iaitu perbezaan lebih dari 10g.

Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang tersebut di atas wujudlah satu keraguan yang serius berkenaan dengan identiti barang kes. Memandangkan kepada keterangan sebegini rupa berkenaan dengan identiti-identiti barang kes, perayu sememangnya tidak dikehendaki dipanggil untuk

I membela dirinya di atas pertuduhan itu.

Beban membukti adalah berat dan beban membukti yang dipertanggungkan kepada pendakwa adalah berat. Tidak ada beban yang dipertanggungkan kepada seseorang yang dituduh untuk membuktikan ia tidak bersalah. Di

dalam perbicaraan jenayah seseorang yang dituduh dibenarkan mengambil apa juga peluang untuk menonjolkan kecacatan pendakwaan. Kecacatan mengenai identiti barang kes adalah serius. Adalah tidak benar bagi pihak responden dalam rayuan ini mengatakan bahawa oleh sebab kecacatan keterangan identiti barang kes tidak dibangkitkan dalam penghujahan di Mahkamah Tinggi dan oleh itu tidak boleh dibangkitkan dalam rayuan ini. Di dalam prosiding jenayah di masa perbicaraan atau di masa rayuan seseorang yang tertuduh boleh membangkitkan soal dasar iaitu sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kes dengan sepenuhnya mengikut kehendak undang-undang iaitu membuktikan kes sehingga tidak membangkitkan kesangsian yang munasabah.

Rayuan telah dibenarkan. Perintah dan hukuman hakim perbicaraan diketepikan.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Prof Ahmad Ibrahim